

PENUTUP:
KESIMPULAN DAN SARANAN

5.0 Pendahuluan

Perbincangan mengenai sumbangan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dalam pengajian tafsir telah dibahas oleh pengkaji secara ilmiah. Lantaran itu adalah wajar pada bab yang terakhir ini dikemukakan kesimpulan dan saranan bagi mempertingkatkan perkembangan ilmu. Rumusan dan cadangan yang baik sangat penting untuk diberi perhatian oleh pihak yang berkaitan supaya perkembangan ilmu Islam terus ke hadapan. Selain itu, pengkaji akan membuat penilaian dari sudut keistimewaan dan kelemahan karya ini.

5.1 Kesimpulan Kajian

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam adalah di antara tokoh ulama yang telah memberi sumbangan kepada perkembangan pengajian tafsir di Negeri Perak. Sebenarnya, pengajian tafsir di Negeri Perak telah melalui satu sejarahnya yang tersendiri. Sebelum kemunculan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam pengajian tafsir telah berkembang dengan baik yang berjaya membentuk sistem dan aliran mengikut keperluan semasa.

Kehadiran tokoh-tokoh reformis seperti Syaykh Tahir Jalaluddin al-Falaki, Syaykh Abdullah Maghribi, Syaykh Junid Tola, dan sebagainya telah berjaya melonjakkan pengajian tafsir ke tahap yang tinggi. Melalui penglibatan mereka yang

bersungguh-sungguh mata pelajaran tafsir diangkat menjadi mata pelajaran teras bagi kurikulum pendidikan Islam secara formal. Lebih membanggakan lagi apabila ulama aliran reformis berjaya menghasilkan karya yang bermutu seperti *Tafsīr al-Qur'ān al-Hakīm*, *Tafsīr Qur'ān Marbawī* dan sebagainya. Tokoh-tokoh ulama ini telah memberi sumbangan terbaik kepada pengajian tafsir di Negeri Perak.

Perjuangan mereka ini turut dikongsi oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam yang turut sama menyumbang kepada perkembangan pengajian tafsir di Negeri Perak. Tokoh ini telah melalui perjalanan hidup penuh gigih menuntut ilmu di pelbagai tempat. Sikap cinta kepada ilmu telah membawa beliau merantau ke India dan Mekah menimba ilmu agama. Kebijaksanaan mengambil peluang dan kesungguhan ketika belajar di luar negara telah menjadikan beliau sebagai seorang tokoh ulama yang menguasai pelbagai bidang ilmu agama. Ini termasuk penguasaan bahasa Arab dan bahasa Urdu dengan baik.

Oleh itu, melalui latar belakang dan sejarah peribadi pendidikan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam maka boleh disimpulkan bahawa untuk melahirkan seorang tokoh perlu kepada beberapa asas seperti:

- i- Mendapat pendidikan awal yang sempurna,
- ii- Dorongan dan sokongan yang kuat daripada ibu bapa,
- iii- Guru yang berkaliber,
- iv- Mempunyai sumber kewangan,
- v- Seorang yang mempunyai semangat dan cita-cita,

Karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* yang telah dihasil oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mempunyai beberapa keistimewaan sama ada dari aspek sumber atau metode penulisan dan pentafsiran. Rujukan utama karya ini adalah karya *turath* yang muktabar mencakupi pelbagai bidang seperti tafsir, hadith, tarikh, dan lain-lain. Daya intelektual Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam berjaya ditonjolkan melalui sumbangan metode penulisan yang tersendiri seperti metode terjemahan *harfiyah* terhadap ayat-ayat al-Qur'an dan lain-lain.

Manakala metode pentafsiran yang dikemuka oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam berjaya menonjolkan tahap keilmuannya yang mendalam melalui metode *tafsīr bi al-ma'thūr*. Keistimewaan metode *tafsīr bi al-ma'thūr* yang ditonjolkan oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam pula ialah tafsir al-Qur'an dengan hadith. Ini selaras dengan pemikiran beliau yang berlatarbelakangkan pendidikan di India yang terkenal dengan lahirnya ramai *muhaddithīn* (ahli hadith).

Oleh itu, beliau begitu cermat memetik hadith Nabi s.a.w untuk ditafsirkan terhadap mana-mana ayat al-Qur'an. Setiap hadith yang dipetik oleh beliau ia mempunyai *sanad* seperti yang terdapat dalam sumber asal sama ada *Sahīḥ al-Bukhārī*, *Sahīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwūd*, dan lain-lain. Bagi memudahkan pembaca merujuk sumber asal, beliau akan membuat catatan di hujung setiap teks hadith. Pendekatan yang diambil oleh beliau ini sangat sesuai dan memberi kemudahan kepada pembaca untuk merujuk sumber asal. Cara begini jarang dijumpai dalam karya tafsir *turath* di Malaysia.

Aspek lain yang berjaya ditonjol oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam terhadap metode pentafsiran ialah penumpuan terhadap *mufradāt alfāz al-Qur'ān* dan penggunaan qiraat. Justeru, ini membuktikan bahawa Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam mahir dalam bahasa Arab. Selain itu, beliau juga menggunakan metode *tafsīr bi al-ra'y* dan *tafsīr 'ilmi* secara sederhana. Tegasnya, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah memberi suatu sumbangan yang besar terhadap metodologi pentafsiran kepada pengajian tafsir di Malaysia.

Sumbangan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam terhadap pengajian tafsir juga berjaya ditonjolkan melalui pemikiran yang terdapat di dalam *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-ayat al-Qur'an*. Sumbangan pemikiran beliau dalam akidah adalah berasaskan akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah. Justeru, beliau menolak aliran muktazilah yang mengganggu pemikiran umat Islam sewaktu ketika dahulu. Sebagai contoh mengenai persoalan melihat Allah s.w.t, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah berusaha menolak fahaman muktazilah dengan dalil *naqli* dan *'aqli*. Walaupun fahaman tersebut tidak menonjol di Malaysia. Namun, sebagai seorang ulama menjadi tanggungjawab memelihara umat Islam daripada terpesong kepada pegangan yang mengutamakan akal semata-mata seperti Muktazilah.

Manakala sumbangan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dalam bidang fiqh agak lebih menonjol kepada fiqh al-ayat bersumber hadith. Sebagai bukti ketika mengupas isu zakat beliau telah menghuraikan persoalan zakat melalui penjelasan dengan menggunakan hadith secara lengkap tanpa merujuk kepada pandangan mazhab fiqh. Huraian begini jarang dilakukan oleh *mufassir* yang lain di Malaysia. Walaupun begitu, terkadang Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam juga merujuk kepada

pandangan madhhab terutama terhadap isu-isu tertentu seperti isu *al-basmalah* dan sebagainya. Jika pandangan tersebut sesuai dengan pemikirannya beliau akan pertahankan dengan dalil dan hujah secara ilmiah.

Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam juga mempunyai pandangan berhubung dengan isu kemasyarakatan. Sebagai seorang *mufassir* yang hidup bersama masyarakat beliau telah menyumbang pemikiran ke arah memperbaiki masyarakat melalui karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Sebagai contoh isu sihir telah menjadi isu semasa di Negeri Perak semenjak sekian lama lagi. Sebagai contoh isu santau, isu yang menyebabkan penceraian antara suami isteri dengan mengguna bomoh tertentu dan sebagainya menjadi isu yang sering diperkatakan oleh masyarakat. Oleh itu, bagi menyekat amalan sihir ini berleluasa dalam masyarakat Islam, Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam berpandangan bahawa mereka yang belajar ilmu sihir boleh membawa kepada kekufuran.

Secara umunya aliran pemikiran Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam cenderung kepada aliran reformis. Ini dapat dibuktikan melalui idea terjemahan *harfiyah* yang ditonjol oleh beliau selari dengan Syaykh Muhammad bin Ma'adah bin Layang yang merupakan tokoh reformis di Negeri Sembilan lulusan India. Manakala penerapan ilmu hadith ke dalam tafsir *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* sama ada berkaitan dengan ilmu *riwāyah* dan *dirāyah* atau fiqh al-ayat bersumber hadith adalah merupakan unsur-unsur aliran reformis. Selain itu, rakan-rakan beliau seperti Syaykh Mustafa bin Abd Rahman bin Mahmud adalah tokoh reformis yang terkenal di Negeri Perak.

Kesimpulan daripada keterangan di atas, menunjukkan bahawa Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam telah memberi sumbangan yang besar kepada pengajian tafsir di Malaysia. Sumbangan tersebut merangkumi aspek metodologi penulisan dan pentafsiran. Manakala sumbangan pemikiran yang digarapkan oleh beliau melalui karya *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* telah menjadikan tafsir ini mempunyai kekuatan dan keistimewaan yang tersendiri.

Namun, sebagai manusia Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam juga telah melakukan kesilapan apabila memasukkan riwayat *isrā'ilīyyāt* yang ditolak. Sikap lunak beliau terhadap riwayat *isrā'ilīyyāt* ekoran daripada kurang pendedahan dan kajian khusus mengenai kesan negatif terhadap pengajian tafsir waktu itu. Oleh itu, kemaafan patut diberikan kepada beliau. Justeru, menjadi tanggungjawab ulama dewasa ini membentul kesilapan tersebut secara positif.

5.2 Saranan Kajian

Hasil daripada kajian ini beberapa saranan dan cadangan perlu diutarakan oleh pengkaji bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam. Oleh itu, pengkaji akan bahagikan kepada saranan yang bersifat umum dan khusus. Melalui saranan ini diharap pihak yang berkaitan dapat memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya. Saranan tersebut adalah seperti berikut:

1. Sewajarnya perlu ada kajian yang lebih mendalam mengenai Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam. Kajian tersebut boleh dilakukan secara khusus yang melibatkan aspek-aspek seperti terjemahan *harfiyah* tafsir *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an* dan kesannya kepada *balāghah* al-Qur'an,

kepentingan *sanad* hadith menurut Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam, takhrij hadith dalam tafsir *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*, sumbangan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dalam bidang pendidikan, sumbangan Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dalam bidang dakwah, dan lebih khusus metodologi dakwah Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam.

2. Pengkaji menyarankan agar diadakan satu seminar mengenai sumbangan ulama-ulama di Negeri Perak terhadap pengajian tafsir. Ini disebabkan terdapat di kalangan mereka yang telah menghasilkan karya-karya yang bermutu seperti *Tafsīr al-Qur'ān al-Hakīm*, *Tafsīr Qur'ān Marbawī*, *Tafsīr Sūrah Yāsīn*, tafsir *al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat al-Qur'an*, dan lain-lain. Melalui seminar tersebut masyarakat akan didekahkan mengenai biografi tokoh dan sumbangan mereka kepada perkembangan pengajian tafsir di Negeri Perak.
3. Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Agama Islam Negeri Perak perlu mewujudkan Institut Pengajian al-Qur'an sebagaimana yang diperkenalkan di Indonesia oleh Bapak Prof. Dr. Muhammad Quraish Shihab menerusi Pusat Studi al-Qur'an (PSQ) . Antara matlamat utama ditubuhkan Institut Pengajian al-Qur'an adalah untuk melahirkan ramai *mufassir* yang berkaliber sama ada sebagai penulis karya tafsir atau pengajar mata pelajaran tafsir. Masyarakat dewasa ini sangat memerlukan *mufassir* yang mahir untuk mengajar di institusi pendidikan formal atau tidak formal. Melalui Institut Pengajian al-Qur'an yang mempunyai kurikulum yang mantap dan bersistematik ramai *mufassir* bakal dilahirkan di Negeri Perak.

4. Kerajaan Negeri Perak disarankan supaya menyediakan dana khas melalui Yayasan Perak atau Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak bagi kemudahan pelajar-pelajar Islam yang berminat dalam bidang tafsir menyambung pelajaran mereka sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. Pihak Kerajaan Negeri boleh menetapkan syarat-syarat biasasiswa, atau pinjaman tersebut tanpa membebankan pelajar. Ini penting untuk melahirkan ramai *mufassir* sebagaimana zaman kegemilangan ulama silam yang sentiasa mendapat galakan daripada semua pihak termasuk daripada pihak Istana.
5. Pendidikan Islam melalui penghayatan isi kandungan al-Qur'an wajar diberi perhatian oleh masyarakat Islam. Oleh itu, pengkaji menyarankan kepada pendidik-pendidik, pengusaha sekolah agama, penyelidik-penyelelidik supaya dapat mengubal sukanan pelajaran al-Qur'an yang merangkumi aspek bacaan yang betul dan tepat, memahami makna-makna ayat melalui teknik terjemahan yang baik, dan mengetahui isi kandungan al-Qur'an melalui pentafsiran yang sahih sehingga mampu pelajar tersebut menghayati isi kandungan al-Qur'an. Kurikulum tersebut mesti bermula daripada tadika sehingga ke peringkat institut pengajian tinggi. Setakat kajian ini berjalan, kurikulum tersebut belum wujud lagi di Negeri Perak.
6. Kolej Islam Perak Darul Ridzuan perlu mendepani cabaran sebagai pusat penyelidikan mengenai tokoh-tokoh ulama di Negeri Perak. Oleh itu, pengkaji menyarankan supaya diwujudkan 'geran khas penyelidikan'

kepada penyelidik-penyalidik yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar. Kerana melalui kajian ini, pengkaji mendapati masih ramai lagi tokoh-tokoh ulama dan intitusi pengajian formal atau tidak formal yang belum diterokai oleh penyelidik-penyalidik di Malaysia sama ada bidang tafsir, hadith dan sebagainya.

7. NGO-NGO Islam di semua peringkat perlu mewujudkan ‘satu pasukan’ untuk menghasilkan karya-karya tafsir yang bermutu sesuai dengan tuntutan semasa. Hal seumpama ini pernah dilakukan oleh Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam bersama dengan Lembaga Amanah Mengembangkan Pengetahuan Ugama Islam (LAMPU). Melalui NGO tersebut Syaykh Abd Aziz bin Abd Salam dapat melancarkan urusan teknikal berkaitan dengan percetakan karya *al-Bayan Pada Ta’wil Ayat-Ayat al-Qur'an*. Keperluan untuk mewujudkan satu pasukan yang mampu menghasilkan karya tafsir sama ada dalam bentuk karya tulis atau terjemahan perlu disegerakan. Lebih khusus lagi bagi menghasilkan karya-karya tafsir yang menjurus kepada corak tafsir *al-mawdū'i*. Pengkaji merasakan corak tafsir *al-mawdū'i* mudah difahami oleh kebanyakan masyarakat dan membantu mereka menyelesaikan persoalan kehidupan sama ada berkaitan dengan akidah, ibadah, akhlak, pendidikan, ekonomi, politik, sains, sosial kemasyarakatan, dan sebagainya.
8. Jabatan Mufti Negeri di semua peringkat perlu peka kepada perkembangan pengajian tafsir lebih khusus lagi melalui kuliah di institusi pengajian tidak formal seperti masjid, surau, ceramah-ceramah agama, forum-forum

agama, ceramah di radio dan sebagainya. Selain itu, teks-teks khutbah Jumaat atau hari raya perlu disemak dengan teliti. Pengkaji menyarankan supaya diwujudkan ‘pemantau’ yang pakar dalam bidang tafsir supaya mereka mampu meneliti jika terdapat riwayat-riwayat *isrā'iliyyāt* yang ditolak telah disampaikan kepada masyarakat awam. Isu-isu seperti bumi di atas tanduk lembu yang merupakan riwayat *isrā'iliyyāt* yang ditolak terkadang-kadang masih berlegar di minda masyarakat sehingga ke hari ini. Selain itu, banyak penyelewengan pentafsiran al-Qur'an berdasarkan hawa nafsu berlaku terutama golongan yang mencari kesempatan di atas kejahilan masyarakat.

9. Semua pihak sepatutnya bergabung tenaga bagi mencorakkan masyarakat yang memahami al-Qur'an melalui ilmu tafsir. Oleh itu, pihak media massa perlu bergabung dengan ulama bagi menyebarkan risalah Islam yang berpaksikan al-Qur'an al-Karim. Penyebaran maklumat menerusi media massa sangat memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat. Maklumat tersebut boleh diisi dalam bentuk ulasan terhadap karya-karya tafsir, pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an, kupasan terhadap isu semasa melalui perspektif al-Qur'an, dan sebagainya.

al-Hamdulillah, wassalam.